

Bahagian A

Sistem Bahasa dan Pemahaman Teks

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kejayaan cemerlang Datuk Nicol David dalam arena skuasy adalah _____ usahanya yang berlatih dengan bersungguh-sungguh.
 A bagi C dari
 B daripada D untuk

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. Budak lelaki itu mengaduh kesakitan akibat _____ di atas jalan kerana terpijak kulit pisang.
 A tersungkur C tersangkut
 B terduduk D terjelepok
3. Sekumpulan penagih dadah itu lari _____ untuk melepaskan diri apabila pihak polis menyerbu sebuah rumah usang yang dipercayai menjadi sarang penagihan dadah.
 A bertempiran
 B berkejaran
 C berlumba-lumba
 D berserakan

4. Pak Dolah berehat di bawah sebatang pokok untuk _____ penat setelah seharian dia membanting tulang di sawah itu.
 A membersihkan
 B merehatkan
 C menghilangkan
 D menghapuskan

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Kakak ingin melanjutkan pelajaran di sebuah kolej di bandar malahan dilarang oleh ibu kerana bimbang akan keselamatannya. Tiada kesalahan.
 A
 B
 C
 D
6. Cikgu Roslan mengadakan perjumpaan dengan semua pemain bola sepak ialah untuk membincangkan persiapan terakhir mereka sebelum perlawanan berlangsung pada keesokan harinya. Tiada kesalahan.
 A
 B
 C
 D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Tok Mat berasa selesa apabila berbaring di atas tilam yang *enak* ini.
II Mi bandung yang dijual di warung itu sungguh *enak* rasanya.
III Adik menangis kerana badannya berasa tidak *enak* akibat selesema.
IV Ayah memerhatikan tingkah lakuku dengan pandangan yang kurang *enak*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
8. I Mei Ling gemar menonton televisyen *sementara* kakaknya gemar membaca novel.
II Amirul memanggil ibunya yang berada di dapur *sementara* ke ruang tamu kerana ada tetamu.
III Pada mulanya Encik Fitri hanyalah pekerja *sementara* di syarikat itu sebelum dia menjawat jawatan pengurus sekarang.
IV Lakukanlah apa-apa kerja yang berfaedah *sementara* waktu masih ada.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

9. "Tugasan ini akan dilaksanakan oleh saya dengan sebaik mungkin," kata Johan kepada Cikgu Tan.
A akan saya laksanakan
B akan saya melaksanakan
C akan melaksanakan oleh saya
D akan dilaksanakan oleh saya

10. Stesen minyak yang baru dibina itu terletak di antara balai polis dan sekolah.
A antara balai polis dengan sekolah
B di antara balai polis dengan sekolah
C antara balai polis dan sekolah
D di antara balai polis dan sekolah

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Penduduk-penduduk Kampung Jerai sering berdepan dengan kesuntukan air pada musim kemarau.
II Kotak yang berat itu tidak terangkat oleh adik.
III Saya sungguh benci akan orang yang suka bercakap bohong.
IV Keadaan penyakit Ramlan itu amat membimbangkan keluarganya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
12. I Kira-kira pukul lima pagi barulah saya terlelap daripada tidur.
II Ubi kayu yang direbus oleh ibu itu sudah empuk.
III Walaupun panas terik, Pak Johan masih membanting tulang di bendangnya.
IV Sejak pagi tadi bekalan air di kawasan perumahan itu terputus.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

13. Daniel dan abangnya selalu bertengkar, namun mereka akhirnya akan berbaik- baik semula dan bermain bersama-sama.
Keadaan ini seperti peribahasa
A lembu punya susu, sapi dapat nama.
B setinggi-tinggi terbang bangau, hinggap di belakang kerbau juga.
C carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga.
D jauhari juga yang mengenal manikam.